

Hubungan di Antara Gaya Perapatan, Orientasi Keagamaan dan Kemurungan di Kalangan Pelajar IPT

The Relationship between Attachment Style, Religious Orientation and Depression Among IPT Students

Maryam Qistina Nur-Rahman Ahmad Nazri
¹Wan Shahrazad Wan Sulaiman

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: ¹shara@ukm.edu.my

ABSTRAK

Isu kemurungan merupakan isu kesihatan mental yang berlaku di seluruh dunia tidak mengira bangsa dan agama. Namun perkara ini tidak boleh dibiarkan terjadi kerana kemurungan bukan sahaja penyakit mental malahan ianya akan membawa kepada gejala membunuh diri. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan di antara gaya perapatan, orientasi keagamaan dan kemurungan di kalangan mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi di Malaysia. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah survei. Teknik persampelan yang digunakan ialah teknik persampelan mudah dan seramai 424 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan merupakan adaptasi daripada soal selidik ujian Experience in Close Relationship (ECR) untuk mengukur Gaya Perapatan. Seterusnya alat ujian Religious Orientation Scale (ROS) digunakan untuk mengukur dan mengenalpasti orientasi keagamaan individu, dan akhir sekali ialah Beck Depression Inventory (BDI) untuk mengukur kemurungan. Soal selidik yang digunakan telah diubahsuai berdasarkan kepada keperluan kajian ini. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan Perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 11.5. Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Manakala analisis korelasi Pearson digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya perapatan tidak selamat dengan kemurungan. Orientasi keagamaan ekstrinsik juga didapati berhubungungan signifikan dengan kemurungan. Kajian ini dapat memberi sumbangan kepada ibu bapa agar dapat mempraktikkan gaya perapatan selamat. Kajian ini juga sedikit sebanyak dapat membantu ahli psikologi dalam menganalisis data terbaru untuk mengenalpasti hubungan orientasi keagamaan dan gaya perapatan dengan kemurungan.

Kata kunci: psikologi, gaya perapatan, orientasi keagamaan, kemurungan, pelajar IPT

ABSTRACT

The issue of depression is a mental health issue that occurs all over the world regardless of race and religion. But this should not be allowed to happen because depression is not only a mental disorder but it will also lead to suicidal behavior. This study aims to identify the relationship between attachment style, religious orientation and depression among students in the Institute of Higher Education in Malaysia. This study used a survey design. The sampling technique used was convenience sampling and a total of 424 respondents were involved in the study. The research instrument used was an adaptation of the Experience Close Relationship (ECR) questionnaire to measure Attachment Style. Next was the Religious Orientation Scale (ROS) to measure religious orientation, and finally the Beck Depression Inventory (BDI) to measure depression. The questionnaire used was modified based on the needs of this study. The data obtained were analyzed using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 11.5. Descriptive analysis was used to analyze frequency, percentage, mean and standard deviation. Pearson Correlation Coefficient was used to test the hypotheses. The results showed that there was a significant relationship between secure attachment style and depression. Similarly with extrinsic religious orientation, there was a significant relationship with depression. This study can contribute to increase knowledge among parents to practice secure attachment style. This study can also give the psychologists the current data in identifying the relationship between religious orientation, attachment styles and depression.

Keywords: Attachment styles, religious orientation, depression, IPT students

1. Pengenalan

Kemurungan merupakan penyakit mental yang tidak asing lagi di negara Malaysia apatah lagi di peringkat global. Menurut laman web WHO (*World Health Organization*) ataupun Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang ditulis pada 30 Januari 2020, kemurungan merupakan penyakit mental yang mendapat perhatian meluas dalam masyarakat. Selain itu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga mengklasifikasikan kemurungan sebagai gangguan mental paling tinggi yang berlaku dan sedang melanda di kebanyakan negara di dunia; tidak kira sama ada negara maju mahupun negara sedang membangun (WHO, 2017; WHO, 2012; Ismail, 2018). Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia, pada peringkat global, sebanyak 264 juta orang dari pelbagai peringkat umur menderita penyakit mental kemurungan ini. Sebenarnya, kemurungan menyebabkan banyak kesan mahupun impak yang negatif samada kepada individu, keluarga mahupun masyarakat. Sebagai contohnya, jika seseorang individu itu tidak diberikan rawatan yang sepatutnya maka individu itu akan hilang kawalan diri dan menyebabkan dia mempunyai keinginan untuk membunuh diri.

Seterusnya, data Kajian Kesihatan Morbiditi Kebangsaan merekodkan tren bunuh diri yang meningkat sebanyak 10% daripada tahun 2017 berbanding pada tahun 2012 yang mencatatkan hanya 7.9%. Statistik yang berkaitan gejala bunuh diri ini saban tahun semakin meningkat dan tiada penurunan yang dapat dikesan. Di antara penyebab utama gejala bunuh diri ialah kemurungan. Apabila menyentuh akan isu kemurungan, pelbagai faktor dapat dikaitkan dan yang

menjadi fokus ialah orientasi keagamaan dan gaya perapatan. Ini kerana orientasi keagamaan memainkan peranan penting dalam isu kemurungan kerana ianya menjadi pegangan terhadap daya tindak mahupun respon seseorang individu itu apabila menghadapi masalah dan kesukaran. Jika orientasi keagamaan yang diamalkan ialah intrinsik mahupun internal maka motivasinya terhadap kehidupan berada pada paras yang baik dan seterusnya dapat mengelakkan masalah kemurungan. Begitu juga halnya dengan gaya perapatan ketakutan (*fearful attachment style*) yang dinilai sebagai aspek yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan isu kemurungan ini. Melalui kajian yang dijalankan serta data yang diperolehi, pengkaji dapat membuat perbandingan dengan kajian-kajian lepas. Dapatan kajian ini juga boleh digunakan untuk menghubungkan dengan dapatan kajian yang lepas serta menjawab persoalan kajian yang timbul.

Agama dan kepercayaan merujuk kepada satu kumpulan budaya dan kepercayaan hasil daripada manifestasi dalam bentuk entiti agama. Ianya boleh dikonsepsikan sebagai struktur yang luas tanpa mempunyai apa-apa keuntungan. Coning (2015) mendefinisikan agama sebagai pergerakan yang mudah menuju Tuhan. Agama mempunyai hubungan yang positif dengan kesihatan fizikal, mental dan psikologi. Dari perspektif agama, terdapat orientasi internal dan eksternal. Dalam orientasi keagamaan internal, kepercayaan nilai transenden dipertimbangkan sebagai komitmen motivasi yang terangkum dalam diri individu. Tambahan lagi, orientasi keagamaan internal atau intrinsik dikaitkan dengan kemampuan adaptasi, jangkaan, kemampuan untuk mencari makna dalam kehidupan dan adaptasi yang lebih baik dalam berdepan dengan ujian. Walau bagaimanapun, orientasi keagamaan eksternal atau ekstrinsik pula membawa idea bahawa agama adalah alat eksternal yang memuaskan keperluan peribadi seperti pangkat dan keselamatan. Dalam erti kata lain, fungsi keagamaan hanyalah untuk mendapatkan keselamatan dan status sosial dan mereka yang mempunyai orientasi ini menggunakan agama untuk memenuhi keinginan dan kemahuan mereka (Forouhari, 2019). Kebanyakan penyakit mental adalah hasil daripada penderitaan psikologi dan kepayahan hidup dalam kalangan orang yang kurang mengamalkan agama. Ini kerana kepercayaan agama mendorong kepada emosi dan perasaan yang positif terutamanya dalam golongan orang yang memiliki kesihatan fizikal dengan menguatkan sistem imun. Kajian ini juga memfokuskan mahasiswa sebagai individu yang merupakan kumpulan yang penting dalam masyarakat di mana agama merupakan faktor yang penting dalam mempromosikan kesihatan fizikal dan mental terhadap golongan ini (Forouhari, 2019). Hal ini jelas menunjukkan bahawa orientasi keagamaan mempunyai perkaitan dan hubungan yang rapat dengan kemurungan.

Berdasarkan kajian lepas oleh Reis (2004) mendapati bahawa wanita yang mengalami kemurungan teruk (*major depression*), secara signifikannya berkait dengan gaya perapatan ketakutan (*fearful attachment*) dan juga mempunyai hubungan dengan kemurungan. Seterusnya, gaya perapatan ketakutan dan gaya perapatan keasyikan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemurungan dalam kalangan pelajar universiti perempuan. Lanjutan daripada itu, perbandingan antara sampel menunjukkan bahawa responden perempuan yang mempunyai kemurungan tinggi dilaporkan mempunyai gaya perapatan ketakutan (*fearful attachment*) yang rendah secara signifikan berbanding wanita yang mengamalkan gaya perapatan selamat (*secure attachment*). Dalam semua kes yang dilaporkan dalam kajian, gaya perapatan terabai (*dismissive attachment style*) tidak mempunyai hubungan dengan kemurungan. Walaupun gaya perapatan terabai (*dismissive attachment style*) melibatkan model yang negatif dalam hubungan interpersonal, tetapi hasil pemerhatian mendapati bahawa ia menghasilkan model yang positif berkenaan diri sendiri dan dijangka tidak akan memberi kesan atau pengaruh terhadap

kemurungan. Berdasarkan dapatan kajian lepas ini, jelaslah bahawa gaya perapatan sememangnya mempunyai hubungan dan boleh menjadi faktor peramal terhadap kemurungan.

Menyentuh konteks perhubungan antara ibu bapa yang dialami oleh golongan akhir remaja dan awal dewasa iaitu pelajar yang menuntut di IPT, hubungan perapatan yang diamalkan oleh individu mempunyai perkaitan yang rapat dengan penjaga mahupun ibu bapa. Hubungan perapatan selamat (*secure attachment style*), hubungan perapatan ketakutan (*fearful attachment style*) dan hubungan perapatan keasyikan (*preoccupied attachment style*) serta hubungan perapatan terabai (*dismissive attachment style*) adalah jenis-jenis gaya perapatan yang dikaji dalam kajian ini (State Adolescent Health Resource Cent, 2013). Selain itu, kajian ini bertujuan mengkaji hubungan gaya perapatan dengan orientasi keagamaan, serta hubungan gaya perapatan dengan kemurungan.

Sehubungan itu, objektif bagi kajian ini ialah: 1) mengenal pasti hubungan di antara orientasi keagamaan dan kemurungan; 2) mengenal pasti hubungan di antara gaya perapatan dan kemurungan, dan 3) mengenal pasti hubungan di antara gaya perapatan dan orientasi keagamaan.

2. Sorotan Literatur

2.1 Hubungan Gaya Perapatan dan Kemurungan

Bifulco et al. (2019) telah menjalankan kajian berkenaan hubungan gaya perapatan dan kemurungan. Kajian ini mendapati bahawa kumpulan klinikal dilaporkan mempunyai kemurungan, peristiwa hidup yang menekan dan gaya perapatan tidak selamat. Kajian ini dijalankan ke atas 202 orang responden yang mana 75 orang darinya ialah kumpulan klinikal manakala 127 ialah yang menjadi responden secara sukarela. Responden ini telah diambil daripada Kawalan Kes Kemurungan Antarabangsa (*National Depression Case Control*) bagi mengkaji kes genetik secara keratan rentas dan diikuti selepas 12 tahun yang telah dijalankan di Britain. Kajian ini bertujuan mengkaji perhubungan di antara peristiwa hidup yang menekan dengan kemurungan serta gaya perapatan yang tidak selamat. Peristiwa hidup responden telah dianalisis menggunakan *Computerised Life Events Assessment Record* bagi mengakses ciri-ciri peristiwa hidup. Pengkaji telah menggunakan soal selidik *Vulnerable Attachment Style* bagi mengukur gaya perapatan tidak selamat dan *General Health Questionnaire* bagi mengukur kemurungan. Hasilnya ialah kumpulan klinikal melaporkan bahawa mereka lebih terkesan dengan kehilangan, berada dalam bahaya, berasa terhina dan terdapat peristiwa menekan yang sederhana teruk. Apa yang lebih jelas lagi ialah, kumpulan klinikal melaporkan mempunyai kemurungan ditambah lagi dengan gaya perapatan tidak selamat. Analisis intra responden juga menunjukkan individu yang mengalami peristiwa-peristiwa ini akhirnya akan membawa kepada kemurungan. Selain itu, gaya perapatan yang tidak selamat dan peristiwa hidup yang menekan menunjukkan hubungan yang signifikan dengan kemurungan mahupun sejarah kecelaruan mental. Manakala perapatan jenis ketakutan menunjukkan hubungan yang signifikan dengan perhubungan romantik dan kesedihan sama seperti kehilangan orang yang tersayang dan peristiwa yang memalukan tetapi gaya perapatan pengelakan tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan kesedihan mahupun peristiwa kehidupan. Akhirnya, dapat dirumuskan bahawa kemurungan dan gaya perapatan tidak selamat mempunyai hubungan yang signifikan dan saling berkait serta bertindak balas di antara satu sama lain.

Kajian oleh Beata Zarzycka (2018) pula bertujuan untuk meneroka hubungan di antara pengalaman awal penjagaan kanak-kanak dengan perjuangan keagamaan dan kerohanian. Mediator yang terdapat dalam kajian ini termasuklah kasih sayang, penjarakan dan imej yang tidak baik

berkenaan Tuhan. Kajian ini melibatkan 157 orang dewasa iaitu 86 orang perempuan dan 71 orang lelaki. Responden berumur dalam lingkungan 18-70 tahun. Peserta yang diambil dalam kajian ini hanyalah yang menganut Katolik Roman iaitu seramai 149 (94.5%). Dapatan kajian mendapati perapatan dengan ibu dan bapa merupakan faktor peramal yang penting dalam perjuangan keagamaan dan kerohanian. Secara keseleruhannya, responden yang mengamalkan gaya perapatan pengelakan dan ketakutan melaporkan kejauhan dalam perhubungan dengan Tuhan. Kedua-dua jenis gaya perapatan ini diperhatikan sebagai pembolehubah yang mempunyai korelasi terhadap hubungan yang tidak baik dengan Tuhan. Menurut kajian ini, dalam meramal sikap dan emosi terhadap Tuhan, gaya perapatan harus diambil kira bukan sahaja hubungan dengan ibu malahan hubungan dengan bapa juga. Perjuangan keagamaan yang dihadapi termasuklah kemarahan terhadap Tuhan dan tidak takutkanNya. Manakala gaya perapatan jenis mengelak pula menganggap Tuhan itu jauh dan seterusnya akan mewujudkan emosi negatif. Kajian ini jelas menunjukkan bahawa gaya perapatan memberikan pengaruh terhadap orientasi agama serta gambaran mengenai Tuhan dalam agama.

Kajian oleh Ürün Özer et al. (2015) pula berkisar tentang gaya perapatan yang diamalkan oleh penghidap kemurungan serta hubungannya dengan idea membunuh diri. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji serta memahami pola hubungan rapat semasa dewasa berdasarkan hubungan yang diamalkan oleh penjaga semasa kecil. Gaya perapatan jenis tidak selamat cenderung untuk dikaitkan dengan kemurungan dan membunuh diri. Dalam kajian ini, pengkaji menekankan hubungan di antara idea membunuh diri serta tingkah lakunya dengan gaya perapatan dalam kalangan pesakit yang didiagnosis dengan kemurungan. Seramai 62 orang pesakit yang telah didiagnosis dengan kecelaruan kemurungan major berdasarkan ciri-ciri DSM-IV-TR yang telah diambil dan kemudiannya dibahagikan kepada dua kumpulan. Dua kumpulan berkenaan adalah 31 pesakit yang mempunyai sejarah cubaan membunuh diri manakala 31 orang lagi ialah tanpa sejarah cubaan membunuh diri. Seterusnya, seramai 60 orang responden lain yang sihat dan dipadankan dengan pesakit dari segi umur, jantina dan tahap pendidikan telah dibandingkan. Satu temubual berdasarkan DSM-IV *Axis I Disorders* (SCID-I) telah dijalankan manakala, soal selidik *Hamilton Depression Rating Scale* (HDRS), *Experiences in Close Relationships Scale* (ECR), dan *Scale of Suicidal Ideation and Suicidal Behavior Scale* telah diedarkan kepada dua kumpulan kajian. Hasil keputusan kajian mendapati bahawa pesakit yang mempunyai kemurungan mengamalkan gaya perapatan ketakutan dan pengelakan. Hal ini menunjukkan bahawa mereka mempunyai skor yang tinggi dalam gaya perapatan pengelakan dan ketakutan, malahan skor yang tinggi juga melebihi dari kumpulan rawatan. Dapatan juga menunjukkan bahawa tiada perbezaan dalam gaya perapatan jenis ketakutan dan pengelakan di antara pesakit yang mempunyai sejarah cubaan bunuh diri dan tiada sejarah. Tambahan lagi, jumlah peserta yang menunjukkan gaya perapatan yang selamat dalam kumpulan rawatan juga lebih tinggi berbanding mereka yang mempunyai kemurungan. Pesakit yang mempunyai gaya perapatan ketakutan pula merekodkan bahawa cubaan bunuh diri dalam kalangan mereka adalah tinggi berbanding kumpulan rawatan. Akhir sekali, terdapat hubungan positif di antara gaya perapatan ketakutan, idea membunuh diri dan tingkah laku membunuh diri. Sebagai kesimpulannya, pesakit yang mengalami kemurungan lebih gelisah dan lebih mengelak serta ditunjukkan dengan gaya perapatan tidak selamat. Tambahan lagi, pesakit dengan kemurungan dan gaya perapatan ketakutan pula dikaitkan dengan cubaan membunuh diri.

Selain itu, kajian oleh Green dan Douglas (2018) mengetengahkan isu gaya perapatan serta kepercayaan terhadap teori konspirasi. Teori konspirasi mengaitkan peristiwa yang signifikan dan politik terhadap sesuatu kumpulan yang berpengaruh. Sebagai contohnya, peristiwa serangan Menara Berkembar 9/11 dipercayai merupakan angkara orang dalam Presiden Bush. Teori konspirasi memberikan impak seperti tidak mahu mempercayai orang lain dan akan kekal

mempercayai setiap peristiwa mempunyai konspirasi sendiri. Mempercayai teori konspirasi juga menyimpang dari mana-mana ajaran yang dianuti kerana tidak mempercayai apa yang terkandung dalam agama. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan di antara gaya perapatan dan kepercayaan terhadap teori konspirasi. Hipotesis yang telah dibina ialah semakin tinggi ancaman, semakin tinggi kadar kegelisahan individu dan semakin tinggi seseorang itu untuk mempercayai teori konspirasi. Seramai 246 pelajar kolej *Amazon Mechanical* iaitu salah sebuah kolej di Turki telah menjawab soal selidik secara dalam talian yang mengandungi kepercayaan teori konspirasi, kepercayaan interpersonal, orientasi dominan sosial, *Machian worldwide*, tahap pendidikan dan orientasi keagamaan. Dapatan kajian menunjukkan gaya perapatan ketakutan menjadi peramal bagi kecenderungan untuk mempercayai teori konspirasi. Tambahan lagi, hubungan positif tersebut kekal signifikan apabila dijalankan kepada 230 orang pekerja yang lain iaitu *Profiling Academic Workers*. Hasil juga mendapati gaya perapatan jenis ketakutan memberi kecenderungan untuk mereka mempercayai teori konspirasi termasuklah teori konspirasi spesifik iaitu teori konspirasi berkenaan kumpulan yang lain.

2.2 Hubungan Orientasi Keagamaan dan Kemurungan

Kajian seterusnya adalah oleh Paine dan Sandage (2016) yang bertujuan untuk melihat perkaitan faktor spiritualiti sebagai pengantara dalam hubungan di antara penglibatan agama dan kemurungan dalam sampel pelajar siswazah. Menurut kajian ini, telah banyak kajian yang telah dilakukan untuk melihat hubungan di antara penglibatan agama dan kemurungan. Namun begitu, kajian-kajian lepas menyatakan bahawa korelasi antara penglibatan agama dan kemurungan adalah bersifat negatif. Peserta dalam kajian ini merupakan pelajar siswazah yang menganut agama Kristian Protestan di universiti Midwest USA. Pelajar telah direkrut melalui kelas-kelas dan pengumuman kampus. Antara soal selidik yang telah diedarkan ialah *Measures of Depressive Symptoms, The Symptoms Checklist (SCL; Bartone et al. 1989)* untuk mengukur simptom kemurungan. Penglibatan agama telah diukur menggunakan *Religious Commitment Inventory-10* (Worthington et al. 2003), manakala *Attachment to God* (Rowatt & Kirkpatrick 2002) pula mengukur hubungan seseorang dengan Tuhan berdasarkan gaya perapatan dewasa berdasarkan ketakutan dan pengelakan. Keputusan kajian mendapati ketidakstabilan spiritual dan kekecewaan terhadap Tuhan merupakan peramal yang berbeza dengan kekuatan penglibatan agama ke atas penyebab kemurungan. Selain itu, kekecewaan kepada Tuhan dan ketidakstabilan spiritual menjadi pengantara hubungan di antara penglibatan dalam agama dan simptom kemurungan. Tambahan lagi, peningkatan dalam penglibatan agama menjadi peramal bahawa simptom kemurungan adalah rendah dalam kalangan sampel pelajar siswazah. Ketidakstabilan spiritual dan kekecewaan terhadap Tuhan mempunyai korelasi yang positif dalam kajian ini. Korelasi yang positif di antara kekecewaan spiritual dan kemurungan juga dapat dilihat dalam kajian ini. Sikap pesimistik juga menjadi penyebab kepada kemurungan yang berkemungkinan akan meningkatkan pengalaman spiritual yang negatif dan seterusnya akan memberi impak kepada kesihatan mental seperti kemurungan. Seterusnya, seseorang mungkin mempunyai penglibatan dalam agama yang tinggi tetapi masih berasa gelisah dan tidak mempunyai hubungan yang baik dengan Tuhan, namun secara alternatifnya, seseorang yang tidak melibatkan diri dalam agama serta tidak dekat dengan Tuhan juga tidak akan mengalami simptom kemurungan. Akhir sekali, kajian ini juga mendapati gaya perapatan ketakutan mempunyai hubungan yang kuat dengan kemurungan.

Di samping itu, kajian oleh Blanc dan Rahill (2016) telah mengambil sampel mangsa yang terselamat dari gempa bumi di Haiti. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat hubungan di antara kepercayaan dalam agama dengan bencana gempa bumi yang berlaku pada tahun 2010. Kajian ini

juga melihat simptom kemurungan dan daya tahan dalam kalangan mangsa. Kajian ini menggunakan teknik persampelan mudah untuk merekrut peserta seramai 167 orang. Peserta telah diberikan soal selidik enam skala yang telah diterjemahkan kepada Bahasa Haiti Creole termasuklah *Earthquake Experiences Exposure (EEE)*, *Peritraumatic Distress Inventory (PDI)*, *Peritraumatic Dissociative Experience Questionnaire (PDEQ)*, *PTSD Checklist (PTSD-CL)*, *Beck Depression Inventory (BDI)* dan *Connor–Davidson Resilience Scale (CD-RISC)*. Dalam kalangan peserta, 51% merupakan lelaki dan dari peratusan itu, mereka percaya bahawa kejadian gempa bumi merupakan fenomena yang berkaitan dengan makhluk halus dan 65% dari responden pula mempercayai bahawa kejadian gempa bumi dikaitkan dengan fenomena alam. Kajian juga mendapati bahawa golongan perempuan merupakan penghidap PTSD paling ramai. Terdapat perbezaan yang signifikan di antara *peritraumatic distress*, simptom PTSD dan daya tahan yang diukur berdasarkan responden yang menerima ketentuan Tuhan akibat dari bencana tersebut ataupun yang tidak dapat menerimanya. Respon *peritraumatic* merupakan peramal yang baik bagi PTSD dan simptom kemurungan. Selain itu, bagi yang mempercayai voodoo pula dilihat sebagai kumpulan minoriti serta mereka juga muncul sebagai kumpulan yang rentan terhadap kemurungan, walau bagaimanapun mereka juga mempunyai faktor daya tahan yang kuat.

3. Metodologi

3.1 Tata cara pengumpulan data

Rekabentuk bagi kajian yang dijalankan adalah kajian kuantitatif di mana kaedah survei digunakan. Kaedah survei adalah satu kaedah di mana pengkaji mengedarkan borang soal selidik bagi mengumpul data-data yang diperlukan di dalam kajian yang dijalankan. Borang soal selidik ini digunakan untuk mendapatkan maklumat dan juga maklum balas daripada persepsi, pendapat serta sikap mahasiswa-mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi Awam di Malaysia. Melalui pengedaran borang soal selidik tersebut, pengkaji boleh mengenalpasti hubungan gaya perapatan, orientasi keagamaan dan kemurungan. Pengkaji telah memutuskan untuk menjalankan kajian menggunakan responden di Institut Pengajian Tinggi Awam di Malaysia. Dalam konteks ini, ciri-ciri yang sama di dalam populasi yang dipilih adalah mahasiswa yang belajar di Institut Pengajian Tinggi Awam dan berumur dalam lingkungan 18-29 tahun. Responden telah dipilih melalui teknik persampelan mudah.

Persampelan mudah ini merupakan tatacara memilih sampel dengan cara yang paling memberikan kemudahan kepada penyelidik iaitu penyelidik menggunakan responden yang telah sedia ada atau yang mudah didapati sahaja. Walau bagaimanapun, teknik persampelan ini tidak dapat memastikan bahawa setiap unit atau subjek dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden dalam kajian yang dilakukan. Antara kelebihan menggunakan persampelan mudah adalah kos yang digunakan sangat rendah dan tidak memerlukan senarai elemen populasi (Ismail, 2013).

3.2 Kawasan Kajian

Jumlah sampel bagi kajian yang dijalankan adalah seramai 424 responden. Pengkaji telah memilih mahasiswa-mahasiswa dari Institut Pengajian Tinggi Awam di seluruh Malaysia sebagai sampel kajian. Sampel yang dipilih terdiri daripada 76 mahasiswa lelaki dan 348 mahasiswa perempuan.

3.3 Alat Ujian

Alat ujian yang berbentuk soal-selidik digunakan di dalam kajian ini. Terdapat tiga bahagian di dalam soal-selidik ini iaitu Bahagian 1 merangkumi maklumat demografi responden yang terlibat di dalam kajian ini. Bagi Bahagian 2 pula, terdapat skala gaya perapatan di mana pengkaji menggunakan alat ujian *Experience in Close Relationship (ECR)*. Pada Bahagian 3 pula, alat ujian *Religious Orientation Scale (ROS)* digunakan untuk mengenalpasti orientasi keagamaan. Seterusnya, pada Bahagian D, alat ujian *Beck Depression Inventory (BDI)* digunakan untuk mengukur kemurungan responden yang terlibat dalam kajian ini. Soal-selidik yang digunakan di dalam kajian ini adalah dalam bahasa Inggeris namun, soal-selidik tersebut telah dialih bahasa kepada bahasa Melayu agar mudah difahami oleh responden kajian.

Alat ujian yang digunakan untuk mengukur gaya perapatan iaitu skala *Experience Close Relationship (ECR)* mempunyai 18 soalan berdasarkan dua dimensi iaitu kebimbangan (*anxiety*) dan pengelakan (*avoidance*). Setelah melakukan ujian kesahan dan kebolehpercayaan, ECR-R menunjukkan ketekalan dalaman yang baik dengan nilai alfa Cronbach 0.77 hingga 0.87 untuk sampel dalam kajian Riggs (2007). Jawapan item dibentuk kepada skala Likert yang mempunyai 7 skala dengan skala 1 yang ditanda sebagai sangat tidak setuju kepada skala 7 sebagai sangat bersetuju. Seterusnya, bagi mengukur Orientasi Keagamaan *Religious Orientation Scale-Revised (ROS-R)* telah digunakan dalam kajian ini bagi mengukur dua orientasi keagamaan iaitu intrinsik dan ekstrinsik. Skala Orientasi Keagamaan adalah inventori 14 item yang direka untuk menilai orientasi keagamaan. Manakala dalam ROS-R, lapan item disenaraikan sebagai dimensi intrinsik manakala enam item mengukur dimensi ekstrinsik. Semua item diukur dengan skala 5 likert dari sangat tidak bersetuju hingga sangat bersetuju. Nilai kebolehpercayaan alfa Cronbach bagi soal selidik *Religious Orientation Scale* ialah 0.68 hingga 0.86, menunjukkan skala ini boleh dipercayai (Kamaluddin, 2017). Seterusnya ialah alat ujian *Beck Depression Inventory (BDI)*. Alat ujian ini digunakan secara meluas untuk mengukur tahap kemurungan yang dialami oleh golongan dewasa mahupun remaja yang berumur 13 tahun ke atas (McDowell & Newell, 1996). Seterusnya BDI-II juga merangkumi 21 item yang mengenalpasti simptom yang berkaitan dengan kemurungan dan mempunyai dua dimensi iaitu kognitif dan somatik. Nilai ketekalan dalaman Cronbach ialah dalam julat .71 hingga .91 dan kesahan BDI versi Bahasa Melayu adalah memuaskan (Mukhtar, 2007). Untuk penskoran pula, setiap item dinilai dengan skala dari 0-3 dan jumlah skor pula adalah dalam julat dari 0-63.

3.4 Analisis Data

Data kajian akan dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)*. Analisis yang digunakan ialah analisis deskriptif untuk melaporkan profil demografi responden. Seterusnya, analisis korelasi digunakan untuk menganalisis hubungan di antara pemboleh ubah bebas (orientasi keagamaan dan gaya perapatan) dengan pemboleh ubah terikat (kemurungan).

4. Hasil Kajian dan Perbincangan

4.1 Hasil Keputusan Profil Demografi Responden

Jadual 1 menunjukkan taburan data demografi responden. Seramai 424 responden dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi di seluruh Malaysia telah terlibat dalam kajian ini. Berdasarkan

jadual 1, jantina perempuan merupakan responden yang paling ramai yang terlibat dalam kajian ini iaitu seramai 348 orang (81.9%). Manakala responden lelaki pula adalah seramai 76 orang (17.9%). Seterusnya, kumpulan umur yang majoriti ialah kumpulan umur yang berada dalam lingkungan 21-23 tahun iaitu seramai 310 orang (72.9%). Kumpulan umur seterusnya diikuti oleh kumpulan umur 18-20 tahun iaitu seramai 49 orang (11.5%). Ini diikuti rapat oleh kumpulan umur 24-26 tahun iaitu seramai 48 orang (11.3%). Kumpulan minoriti yang mengambil bahagian dalam kajian ini ialah kumpulan umur 27-29 tahun dengan jumlah 17 orang (4%). Selepas itu, bangsa Melayu juga merupakan bangsa yang menjadi majoriti dalam kajian ini dengan jumlah 412 orang dengan 96.9% diikuti dengan kaum lain-lain yang berjumlah 11 orang (2.6%). Bangsa yang menjadi minoriti pula ialah India dengan jumlah 2 orang (0.5%) Selain itu, agama yang paling banyak sekali dianuti ialah Islam dengan jumlah 414 (97.4%), diikuti dengan agama Buddha iaitu 5 orang (0.5%), agama Hindu dengan jumlah 3 orang (0.3%), serta akhir sekali agama Kristian dengan jumlah 2 orang (0.1%). Seramai 240 responden iaitu sebanyak (56.6%) yang menyambung pengajian di Institut Pengajian Tinggi Awam manakala seramai 184 orang (43.4%) yang menyambung pengajian di Institut Pengajian Tinggi Swasta.

JADUAL 1. Profil Demografi Responden

Demografi		N	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	76	17.9
	Perempuan	348	81.9
Umur (tahun)	18-20	49	11.5
	21-23	310	72.9
	24-26	48	11.3
	27-29	17	4
Bangsa	Melayu	411	96.9
	India	2	0.5
	Lain-lain	11	2.6
Agama	Islam	414	97.4
	Kristian	2	0.1
	Buddha	5	0.5
	Hindu	3	0.3
IPT	IPTA	240	56.5
	IPTS	184	43.4

4.2 Hasil Analisis Deskriptif bagi Pembolehubah Kajian

Berdasarkan analisis deskriptif yang telah dilakukan, jumlah responden yang terlibat bagi kajian ini ialah 424 orang. Berdasarkan Jadual 2, skor minimum bagi pemboleh ubah Gaya Perapatan ialah 30 manakala skor maksimum ialah 119. Nilai min mencatatkan 77.8 manakala sisihan piawai pula bernilai 15.6. Selepas itu, nilai Orientasi Keagamaan menunjukkan skor minimum 33 dan skor maksimum pula ialah 70. Nilai min mencatatkan 53.8 dan sisihan piawai pula ialah 6.7. Selepas itu, pemboleh ubah yang terakhir iaitu Kemurungan menunjukkan skor minimum 0 dan skor maksimum pula ialah 54. Seterusnya nilai min ialah 15.1 dan sisihan piawai pula ialah 11.5.

	N	Nilai minimum	Nilai maksimum	Min	Sisihan Piawai
Gaya Perapatan	424	30	119	77.8	15.6
Orientasi Keagamaan	424	33	70	53.8	6.7
Kemurungan	424	0	54	15.1	11.5

JADUAL 2. Analisis Deskriptif bagi Pembolehubah Kajian

4.3 Keputusan Pengujian Hipotesis

Analisis korelasi Pearson telah dijalankan untuk menguji hipotesis pertama iaitu hubungan di antara gaya perapatan dan kemurungan dalam kalangan mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi di seluruh Malaysia. Keputusan dalam Jadual 3 menunjukkan hubungan korelasi yang signifikan di antara gaya perapatan kebimbangan dengan nilai pekali korelasi ($r = 0.403$, $p < 0.05$) terhadap kemurungan kognitif. Seterusnya, dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan signifikan di antara gaya perapatan kebimbangan dengan kemurungan somatik dengan nilai pekali korelasi ($r = 0.346$, $p < 0.05$). Analisis juga telah dijalankan terhadap pemboleh ubah gaya perapatan pengelakan. Berdasarkan analisis korelasi Pearson, gaya perapatan pengelakan tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemurungan kognitif dengan nilai pekali korelasi ($r = 0.044$, $p > 0.05$). Seterusnya, gaya perapatan pengelakan juga tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemurungan somatik dengan nilai pekali korelasi ($r = 0.025$, $p > 0.05$). Sehubungan itu, hipotesis pertama diterima sebahagiannya.

JADUAL 3. Keputusan korelasi bagi pembolehubah Gaya Perapatan dengan Kemurungan

Pemboleh ubah	Gaya Perapatan	
	Kebimbangan	Pengelakan
Kemurungan Kognitif	0.403**	0.044
Kemurungan Somatik	0.346**	0.025

NOTA: * $p < 0.05$, ** $p < 0.01$

Hipotesis kedua pula menguji hubungan di antara orientasi keagamaan dan kemurungan. Berdasarkan Jadual 4, analisis korelasi Pearson telah dijalankan di antara orientasi keagamaan dan kemurungan dalam kalangan mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi di seluruh Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara orientasi keagamaan ekstrinsik dengan kemurungan kognitif, ($r = -0.183$, $p < 0.05$). Begitu juga dengan hubungan orientasi keagamaan ekstrinsik dengan kemurungan somatik di mana nilai pekali korelasi menunjukkan terdapat korelasi signifikan dengan nilai pekali korelasi ($r = -0.212$, $p < 0.05$). Bagi orientasi keagamaan intrinsik dan kemurungan pula, dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan dengan kemurungan kognitif, ($r = -0.059$, $p > 0.05$). Manakala terdapat hubungan yang signifikan di antara orientasi keagamaan intrinsik dan kemurungan somatik dengan nilai pekali korelasi ($r = -0.103$, $p < 0.05$). Oleh yang demikian, hipotesis kedua juga diterima

sebahagiannya.

JADUAL 4. Keputusan korelasi bagi pembolehubah Gaya Perapatan dengan Kemurungan

Pemboleh ubah	Orientasi Keagamaan	
	Ekstrinsik	Intrinsik
Kemurungan Kognitif	-0.183**	-0.059
Kemurungan Somatik	-0.212**	-0.103*

NOTA: * $p < 0.05$, ** $p < 0.01$

5.0 Rumusan dan Cadangan

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji hubungan antara gaya perapatan, orientasi keagamaan dan kemurungan. Bagi menjawab persoalan dan hipotesis kajian pertama, gaya perapatan pengelakan tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemurungan. Hal ini berbeza pula dengan gaya perapatan keseimbangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa gaya perapatan keseimbangan mempunyai korelasi yang signifikan dengan kemurungan. Dapatan kajian ini selari dengan kajian-kajian lepas seperti kajian seperti kajian oleh Bifulco (2019) yang mendapati bahawa kemurungan dan gaya perapatan tidak selamat iaitu gaya perapatan keseimbangan mempunyai hubungan yang signifikan dan saling berkait serta bertindak balas di antara satu sama lain. Ini dapat diterangkan kerana individu dengan gaya perapatan keseimbangan dilihat sebagai mempunyai keyakinan diri yang rendah dan memfokuskan kepada kesan yang negatif. Selain itu juga, individu dengan gaya perapatan keseimbangan pula dilihat sebagai takutkan hubungan yang intim, sukar untuk mempercayai orang lain, keyakinan diri yang rendah dan hanya memfokuskan kepada kesan yang negatif (Ciechanowski, 2003). Hubungan pada waktu dewasa diperoleh semasa pengalaman awal yang negatif bersama penjaga di mana mereka akan belajar dan merasakan diri mereka tidak bernilai dari segi kasih sayang dan mengadaptasikan gaya perapatan pada waktu akan datang dengan menolak dan bersikap tidak konsisten. Maka jelaslah bahawa gaya perapatan keseimbangan merupakan pemboleh ubah yang dikaitkan dengan kemurungan.

Seterusnya, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti hubungan yang wujud di antara orientasi keagamaan dengan kemurungan. Didapati dapatan kajian ini selari dengan hipotesis yang dibina iaitu orientasi keagamaan ekstrinsik mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemurungan. Dapatan kajian ini juga selari dengan tinjauan literatur oleh Paine dan Sandage (2016) di mana hasil dapatan kajian mereka mendapati peningkatan dalam penglibatan agama menjadi peramal bahawa simptom kemurungan adalah rendah dalam kalangan sampel pelajar siswazah. Ketidakstabilan spiritual dan kekecewaan terhadap Tuhan mempunyai korelasi yang positif dalam kajian ini. Korelasi yang positif di antara kekecewaan spiritual dan kemurungan juga dapat dilihat dalam kajian ini. Maka dapat diperhatikan bahawa kajian ini dan kajian lepas adalah selari. Seterusnya dapat diperhatikan bahawa hal yang berlainan pula dengan orientasi keagamaan intrinsik di mana orientasi keagamaan ini tidak mempunyai korelasi yang signifikan dengan kemurungan. Dapatan kajian juga menunjukkan ianya selari dengan hipotesis yang telah dibina. Hal ini dapat dijelaskan dengan perbezaan dalam psikologi agama ini disokong dengan kajian yang mengkaji hubungan di antara orientasi keagamaan dan kemurungan. Individu yang mengamalkan

orientasi keagamaan jenis intrinsik mendapati terdapat hubungan yang negatif dengan simptom kemurungan (Maltby, 2000). Hal ini kerana agama bertindak sebagai daya tindak (*coping mechanism*). Ini menunjukkan bahawa agama mewakili proses di mana individu yang mempunyai agama berhadapan dengan pelbagai ujian dalam kehidupan. Satu lagi cadangan ialah di mana peranan atribusi dalam agama. Hal ini dapat dikaitkan dengan cara individu menerima dan menginterpretasikan sesetengah situasi dan hasil atribusi adalah berbeza mengikut pemahaman dan pegangan agama (Maltby, 2000). Jelaslah bahawa orientasi keagamaan mempunyai kesan terhadap daya tindak (*coping mechanism*) yang diamalkan apabila seseorang itu menghadapi situasi yang sukar. Apabila seseorang itu tidak mampu menghadapi masalah yang dihadapi dengan menggunakan daya tindak (*coping mechanism*) yang lemah, maka masalah kemurungan akan timbul. Justeru itu, jelaslah bahawa orientasi keagamaan ekstrinsik mempunyai hubungan dengan kemurungan.

Melalui kajian ini, dapat disimpulkan bahawa kemurungan mempunyai hubungan yang signifikan dengan gaya perapatan dan orientasi keagamaan. Dapat disimpulkan juga bahawa pihak-pihak yang berwajib dan terlibat seperti ibu bapa, dan ahli-ahli psikologi perlu memberi perhatian terhadap gaya perapatan dan orientasi keagamaan dan hubungannya dengan kemurungan, seterusnya mengambil inisiatif untuk mencari strategi untuk menangani kemurungan dalam kalangan awal dewasa. Ibu bapa seharusnya mengamalkan gaya perapatan yang selamat dengan anak-anak sedari kecil agar kelak apabila mereka meningkat dewasa mereka tidak akan mengamalkan gaya perapatan tidak selamat dan kemurungan dapat dielakkan. Tambahan lagi, ahli-ahli psikologi boleh mengenalpasti faktor-faktor berkaitan kemurungan selain daripada orientasi keagamaan dan gaya perapatan seperti strategi daya tindak, penghargaan sendiri, efikasi sendiri dan sebagainya.

Sehubungan itu, limitasi kajian yang dapat dikenal pasti termasuklah metodologi kajian iaitu menggunakan kaedah persampelan mudah dengan menyebar soal selidik kepada responden yang telah sedia ada dan mudah didapati sahaja. Setelah diteliti, beberapa cadangan dapat diutarakan supaya kajian yang akan datang dapat dijalankan dengan lebih baik lagi. Antara cadangannya ialah kaedah persampelan dicadangkan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Cadangan lain ialah, pengkaji yang akan datang boleh mengkaji faktor lain sebab terjadinya kemurungan. Hal ini kerana kemurungan merupakan penyakit mental yang sering terjadi di seluruh dunia.

PENGHARGAAN

Pengkaji mengucapkan terima kasih kepada semua responden yang terlibat secara langsung dalam kajian ini. Pengkaji juga berterima kasih kepada pensyarah-pensyarah dan kakitangan di Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan yang telah membantu dalam menyiapkan kajian ini.

Rujukan

- Al, Ü. Ö. (2015). Relationship of Suicidal Ideation and Behavior to Attachment Style in Patients with Major Depression. *Turkish Neuropsychiatric Society* 52(3): 283-288.
- Areba, E. M., Duckett, L., Robertson, C., & Savik, K. (2018). Religious Coping, Symptoms of Depression and Anxiety, and Well-Being Among Somali College Students. *J Relig Health* 57(1): 94-109.
- Aruma, D. E. (2017). Abraham Maslow's Hierarchy Of Needs And Assessment Of Needs.

- International Journal of Development and Economic Sustainability* 5(7): 15-27.
- Azahar Che Latiff, B. R. (2017). Perkaitan antara Perapatan Ibubapa dan Rakan Sebaya dengan Penglibatan Remaja dalam Penyalahgunaan Dadah di Sabah. *Southeast Asia Psychology Journal* 5(1): 12-21.
- Bartone, P. T. (1989). Predictors of stress-related illness in city bus drivers. *Journal of Occupational Medicine* 31(8): 657-663.
- Beck, A. (1967). *Depression: Causes And Treatment*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Beck, A. T., Epstein, N., & Harrison, R. (1983). Cognitions, attitudes and personality dimensions in depression. *British Journal of Cognitive Psychotherapy* 1(1): 1-16.
- Bifulco, A., Kagan, L., Spence, R., Nunn, S., Bailey-Rodriguez, D., Hosang, G., Taylor, M., & Fisher, H.L. (2019). Characteristics Of Severe Life Events, Attachment Style, And Depression – Using A New Online Approach. *Br J Clin Psychol* 58: 427-439.
- Blanc, J., Rahill, G. J., Laconi, S. & Mouchenik, Y. (2016). Religious Beliefs, PTSD, Depression and Resilience in Survivors of the 2010 Haiti Earthquake. *Journal of Affective Disorders* 190: 697-703.
- Bowlby, J. (1969). *Attachment and Loss, Vol. 1: Attachment..* New York: Basic Books.
- Cathcart, W. J. (2014). The relationship between religious orientation and happiness: The mediating role of purpose in life. *Mental Health, Religion & Culture* 17(5): 494-507.
- Ciechanowski, P. (2003). The Relationship Of Attachment Style To Depression, Catastrophizing And Health Care Utilization In Patients With Chronic Pain. *Elsevier Science* 104(3): 627-637.
- Coning. (2015). Religious Education for the Deescalation of Communal Conflicts in Boki Land, Nigeria. *Religious Education* 110(1): 29-51.
- Dark-Freudeman, A. P. (2020). Attachment Style In Adulthood: Attachment Style Moderates The Impact Of Social Support On Depressive Simptoms. *Journal of Social and Personal Relationships* 37(10-11): 2971-2899.
- Douglas, K. M. (2018). Anxious Attachment And Belief In Conspiracy Theories. *Personality and Individual Differences* 125: 31-37.
- Fitton, V. A. (2012). Attachment Theory: History, Research, and Practice. *Psychoanalytic Social Work* 19: 121-143.
- Flere, M. L. (2012). Intrinsic Religious Orientation And Religious Rewards: An Empirical Evaluation Of Two Approaches To Religious Motivation. *Rationality and Society* 23(2): 217-233.
- Forouhari, S. (2019). Relationship between Religious Orientation, Anxiety, and Depression among College Students: A Systematic Review and Meta-Analysis. *Iran J Public Health* 48(1): 43.
- Fraley, R. H. (2011). The Experiences in Close Relationships-Relationship Structures questionnaire: A method for assessing attachment orientations across relationships. *Psychological Assessment* 3(3): 615.
- Ghasempour, A., & Mahmoodi-Aghdam, M. (2015). The Role of Depression and Attachment Styles in Predicting Students' Addiction to Cell Phones. *Addict Health* 7(3-4): 192-197.
- Huron, D. (2011). Why Is Sad Music Pleasurable? A Possible Role For Prolactin. *Musicae Scientiae* 15(2): 146-158.
- Ismail, R. (2013). *Metodologi Penyelidikan: Teori Dan Praktis*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail, R. F. (2018). Wanita Dan Kemurungan Dari Perspektif Jurang Gender: Simptom. *The Malaysian Journal of Social Administration* 13(1): 78-100.
- Jabatan Penerangan Malaysia. (2017). Maklumat Malaysia: Demografi Penduduk. From My

- Government <https://www.Malaysia.Gov.My/Portal/Content/30114?Language=My>
Kedutaan A.S. Malaysia. (2017). Laporan Kebebasan Beragama Malaysia 2016 – Malaysia. Kedutaan A.S. Malaysia.
- Khair, A. M. (2020). Sokongan Sosial, Penghargaan Kendiri dan Kemurungan dalam kalangan Mahasiswa di Universiti. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 5(11): 33-42.
- Maltby, J. (2000). Depressive Symptoms And Religious Orientation: Examining The Relationship Between Religiosity And Depression Within The Context Of Other Correlates Of Depression. *Personality and Individual Differences* 28(2): 383-393.
- Mohammadzadeh, A. & Najafi, M. (2020). The Comparison of Death Anxiety, Obsession, and Depression Between Muslim Population with Positive and Negative Religious Coping. *Journal of Religion and Health* 59(2): 1055-1064.
- Mohammad Rahim Kamaluddin, Rohany Nasir, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Rozainee Khairudin & Zainah Ahmad Zamani. (2017). Validity and Psychometric Properties of Malay Translated Religious Orientation Scale-Revised among Malaysian Adult Samples. *Akademika* 87(2): 133-144.
- Nadeem, M. A. (2017). The Association Between Muslim Religiosity and Young Adult College Students' Depression, Anxiety, and Stress. *Journal of Religion and Health* 56 (4): 1170–1179.
- Paine, D. R. & Sandage, S. J. (2017). Religious Involvement and Depression: The Mediating Effect of Relational Spirituality. *Journal of Religion and Health* 56(1): 269-283.
- Pourkord, M., Mirdrikvand, F., & Karami, A. (2020). Predicting Resilience in Students based on Happiness, Attachment Style, and Religious Attitude. *Health Spiritual Med Ethics* 7(2): 27-34.
- Reis, H. T. (2004). Relationships, Human Behavior, and Psychological Science. *Current Directions in Psychological Science* 13(6): 233–237.
- Reis, S. (2003). Fear of Intimacy in Women: Relationship between Attachment Styles and Depressive Symptoms. *Psychopathology* 37(6): 299-303.
- Rezapur, L. E. (2015). Attachment Styles, Parenting Styles, and Depression. *International Mental Health Addiction* 5(5): 1064-1068.
- Riggs, S. A., Paulson, A., Tunnell, E., Sahl, G., Atkison, H., & Ross, C. A. (2007). Attachment Personality And Psychopathology Among Adult Inpatients: Self-Reported Romantic Attachment Style Versus Adult Attachment Interview States Of Mind. *Dev Psychopathol* 19(1): 263-291.
- Rowatt, W. &. (2002). Two dimensions of attachment to God and their relation to affect, religiosity, and personality constructs. *Journal for the Scientific Study of Religion* 41(4): 637-651.
- Paykel, E. S. (2008). Basic concepts of depression. *Dialogues in Clinical Neuroscience* 10(3): 279.
- Samsuri, S. (2020). Hakikat Fitrah Manusia dalam Islam. *Jurnal Pendidikan Islam* 18(1): 85-100.
- Sarafino, E. P., & Smith, T. W. (2014). *Health psychology: Biopsychosocial interactions*. John Wiley & Sons.
- Shereen, M. A. (2020). COVID-19 infection: Origin, transmission, and characteristics of human corona viruses. *Journal of Advanced Research* 24: 91-98.
- State Adolescent Health Resource Cent. (2013). Late Adolescence/Young Adulthood (Ages 18 – 24 years). The State Adolescent Health Resource Center, 1-2.
- Steer, R. A., Ball, R., Ranieri, W. F. & Beck, A. T. (1999). Dimensions of the Beck Depression Inventory-II. *Journal Of Clinical Psychology* 55(1): 117-128.
- Suruhanjaya Antarabangsa A.S. (2020). *Malaysia*. Kuala Lumpur: USCIRF.
- Wei, M., Russell, D. W., Mallinckrodt, B., & Vogel, D. L. (2007). The Experiences in Close

- Relationship Scale (ECR)-short form: Reliability, validity, and factor structure. *Journal of Personality Assessment* 88(2): 187-204.
- Wiebe, J. S. (2005). A Psychometric Comparison of the Beck Depression Inventory II in English and Spanish. *Psychological Assessment* 17(4): 481-485.
- World Health Organization. (2012). From DEPRESSION: A Global Public Health Concern. http://www.who.int/mental_health/management/depression/who_paper_depression_wfmh_2012.pdf.
- World Health Organization. (2017). *Depression and other common mental disorders: Global health estimates*. (No. WHO/MSD/MER/2017.2: World Health Organization.
- Worthington Jr, E. L. (2003). The Religious Commitment Inventory-10: Development, refinement, and validation of a brief scale for research and counseling. *Journal of Counseling Psychology* 50(1): 84-90.
- Yahya, N. A. (2020). Pendekatan Tazkiyah Al-Nafs Dalam Menangani Masalah Kemurungan. *Al-Hikmah* 12(1): 3-18.
- Zarzycka, B. (2019). Parental Attachment Styles and Religious and Spiritual Struggle: A Mediating Effect of God Image. *Journal of Family Issues* 40(5): 575-593.